

PEMBANGUNAN KRITERIA, INSTRUMENT DAN SOAL SELIDIK BAGI PERSEPI INDEKS KESELAMATAN (PSI 2020)

**Nik Azmi Nik Omar, Noor Zahirah Mohd Sidek, Mohd Rizaimy
Shaharudin, Wan Nailah Abdullah, Sahubar Ibrahim Ismail Gani**

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan kaedah pembangunan Persepsi Indeks Keselamatan (PSI) bagi tahun 2020. Sebanyak enam (6) teras dan tujuh belas belas (17) sub-teras telah dibangunkan berdasarkan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam 2019 dan strategi-strategi di bawah dasar tersebut. Sebanyak 87 soalan kaji selidik telah dibangunkan berdasarkan instrumen yang telah dikenalpasti. Akhir sekali, kaedah pengiraan indeks menggunakan Teknik indeks multi-dimensi dan pengiraan berat bersandarkan kaedah *principal component analysis* (PCA) telah digunakan di dalam pengiraan PSI 2020.

KataKunci: *Indeks Keselamatan Malaysia 2020, Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam 2019, Dasar Keselamatan Negara 2016, instrument, teras*

ABSTRACT

This paper discusses the development of the Perception of Security Index (PSI) for year 2020. The index was developed based on six (6) thrusts and seventeen (17) sub-thrusts with reference to the Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) 2019. Next, the dimensions and instruments were developed based on the thrusts and sub-thrusts. A total of 87 questionnaires were developed based on these instruments. PSI is constructed using multi-dimensional technique and weightage is calculated based the principal component analysis (PCA).

Keywords: Perception of Security Index (PSI) 2020, Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam 2019, Dasar Keselamatan Negara 2016, instruments, thrusts

1. PENGENALAN

Pada tahun 2019, Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah membangunkan Persepsi Index Keselamatan Malaysia (PSI) dan telah menjalankan Kajian Persepsi Indeks Keselamatan Malaysia. Tahap persepsi keselamatan di Malaysia berdasarkan kajian tersebut adalah sebanyak lebih kurang 65 peratus. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, kajian lanjut perlu dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi masyarakat mengenai keselamatan di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk menambahbaik Indeks Keselamatan yang sedia ada dan memastikan indeks ini lebih holistik serta selaras dengan indeks antarabangsa seperti *Global Peace Index (GPI)*, *Safe Cities Index (SSI)*, *Global Residence Index (GRI)*, *Safety Index (SI)*, *World Safest Countries – Global Finance* dan lain-lain. Indeks-indeks antarabangsa ini akan dijadikan sebagai rujukan bagi membangunkan indeks keselamatan dan ketenteraman yang lebih holistik dan inklusif. Penambahbaikan indeks ini akan mengambilkira aspek keselamatan (*safety*) dan ketenteraman (*security*) awam dan negara.

Malaysia merupakan sebuah negara yang berdaulat dan mempunyai populasi dari etnik yang berbeza. Mutakhir ini, perkembangan era globalisasi dan perdagangan antarabangsa memerlukan Malaysia untuk mengambil pendekatan yang lebih komprehensif dan strategik bagi melindungi negara dan masyarakat dari sebarang ancaman kedaulatan, ketenteraman awam, keselamatan awam dan kesejahteraan ekonomi. Mantan Menteri Dalam Negeri, YB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Yassin telah menyatakan bahawa era globalisasi serta perkembangan teknologi baru tanpa sempadan, revolusi industri 4.0 dan penggunaan meluas *internet of things (IoT)* meningkatkan lagi risiko dan ancaman ke atas keselamatan negara. Oleh itu, dasar keselamatan negara perlu kukuh bagi menangani risiko dan ancaman yang semakin kompleks dan merentasi sempadan.

Fungsi utama Kementerian Dalam Negeri adalah untuk (i) mempertahankan keselamatan dan ketenteraman awam, (ii) mempertahankan keluhuran perlombagaan, kedaulatan undang-undang dan institusi utama yang menjadi tonggak perlombagaan negara, (iii) mengukuhkan keselamatan kawalan di sempadan negara, (iv) memerangi gejala dadah, pemutihan wang, pemerdagangan manusia, dan (v) melindungi sasaran penting dan aset strategik/kritikal negara. Berdasarkan keperluan untuk meningkatkan keselamatan negara yang berubah mengikut peredaran zaman dan untuk memberikan persepsi yang baik, penambahbaikan terhadap Indeks Persepsi Keselamatan Malaysia perlu ditambahbaik dari masa ke semasa.

Kajian ini bertujuan menambahbaik pemboleh ubah atau instrumen yang digunakan untuk mengukur tahap dan persepsi keselamatan di Malaysia secara keseluruhan, merangkumi peringkat negeri dan peringkat daerah. Instrumen yang akan dibangunkan akan disandarkan kepada asas-asas *maqasid shariah*, perlombagaan negara dan asas-asas kriteria serta *universal* yang digunakan diperingkat antarabangsa bagi menghasilkan pengukuran yang lebih komprehensif, holistik dan inklusif. Prinsip-prinsip asas *maqasid shariah* seperti menjaga nyawa (*hifz an-nafs*), akal (*hifz al-‘aqli*) dan harta (*hifz al-mal*) adalah konsisten dengan Akta-Akta yang sedia ada bagi memelihara keselamatan, ketenteraman dan keharmonian di dalam negara yang berbilang bangsa dan kaum.

Objektif kajian adalah untuk menambahbaik Indeks Persepsi Keselamatan Malaysia 2019 dan mengukur persepsi keselamatan menggunakan instrumen yang telah terkini.

2. SOROTAN LITERATUR

Terdapat pelbagai indeks yang menilai tahap keselamatan sesebuah negara di bawah pelbagai agensi antarabangsa. Di antara indeks utama ialah *Global Peace Index* (GPI) yang dibangunkan dan diselenggarakan oleh Institute for Economics and Peace yang beribupejabat di Sydney, Australia; *Safe Cities Index* di bawah The Economist Intelligence Unit (EIU) yang berpengkalan di London, United Kingdom; *International Statistics on Crime and Justice* di

bawah United Nations Office on Drugs and Crime dan European Institute for Crime Prevention and Control Affiliated with the United Nations (HEUNI) di Finland; *Rule of Law Index* oleh World Justice Project; Smart Cities oleh Juniper Research; Smart Nation oleh Singapura; dan lain-lain indeks seperti *Mercer's Quality of Living Ranking*, *Monocle's Quality of Life Survey*, *Deutsche Bank Liveability Survey* yang memberi penekanan terhadap aspek keselamatan bagi menjamin ketenteraman awam dan kehidupan yang lebih baik.

GPI mengambilkira dua puluh tiga (23) instrumen bagi membentuk indeks tersebut. Intrumen ini dibangunkan berdasarkan tiga (3) teras utama iaitu (1) konflik domestik dan antarabangsa yang sedang dialami oleh sesebuah negara (*Ongoing Domestic and International Conflict*), (ii) Keselamatan dan Ketenteraman Awam (*Societal Safety and Security*) dan (iii) Ketenteraan (*Militarisation*). Ketiga-tiga teras ini telah dipilih oleh panel pakar yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Teras-teras ini merupakan asas kepada keselamatan dan ketenteraman awam di sesebuah negara. Bagi menentukan pemberat bagi indeks, indikator keselamatan dibahagikan kepada indikator dalaman dan indikator luaran.

Indikator dalaman meliputi empat belas (14) instrumen dan indikator luaran mempunyai sembilan (9) instrumen. GPI lebih cenderung kepada instrumen yang menjurus ke arah pembunuhan, senjata api, konflik dalaman dan luaran, kestabilan politik, perbelanjaan ketenteraan dan hubungan serta konflik antarabangsa. Faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada keselamatan dan keharmonian negara seperti kerajaan yang berfungsi dengan baik, ekosistem ekonomi dan kewangan yang mantap, pembahagian sumber yang lebih saksama dan hak-hak kemanusian tidak diambil kira secara langsung di dalam pembangunan indeks ini.

The *International Statistics on Crime and Justice* mengfokus kepada pelaporan jenayah sahaja. Jenayah dibahagikan kepada pembunuhan (*homicide*), jenayah-jenayah yang dilaporkan kepada pihak polis (*police-recorded crime*) seperti jenayah serangan, rogol, pecah rumah, curi kenderaan, jenayah dadah dan jenayah kompleks seperti jenayah siber atau jenayah yang

menggunakan teknologi yang canggih. Indeks ini dilaksanakan untuk hampir semua negara di seluruh dunia dengan pembahagian mengikut benua.

Rule of Law Index (RLI) pula merangkumi 128 buah negara di seluruh dunia yang mempunyai lapan (8) teras utama. RLI dibangunkan berdasarkan empat falsafah utama iaitu akauntabiliti (*accountability*), undang-undang yang adil (*just law*), keterbukaan kerajaan (*open government*) dan penyelesaian pertikaian yang boleh diakses dan tidak berat sebelah (*accessible and impartial dispute resolution*). Kandungan utama lapan (8) teras RLI adalah seperti berikut:

- (i) Kekangan kuasa kerajaan yang memerintah di mana kuasa kerajaan dihadkan kepada peruntukan legislatif dan judisiari, terdapat sekatan bagi salah laku, mempunyai imbal-balas;
- (ii) mengekang rasuah;
- (iii) keterbukaan kerajaan seperti amalan data terbuka (*open data*) dan perkongsian data (*data sharing*);
- (iv) hak asasi termasuklah proses kehakiman yang adil terhadap yang tertuduh, tiada diskriminasi, layanan sama rata, kebebasan beragama dan kebebasan mengadakan perhimpunan;
- (v) keselamatan dan ketenteraman di mana jenayah dapat dikawal dengan efektif dan konflik sivil yang terkawal;
- (vi) penguatkuasaan undang-undang dan peraturan tanpa dipengaruhi oleh pihak tertentu, penguatkuasaan dijalankan dengan cepat berdasarkan peruntukan undang-undang di negara tersebut;
- (vii) keadilan sivil di mana warganegara mampu memperoleh keadilan untuk diri, keluarga dan masyarakat, keadilan sivil tidak dipengaruhi oleh kerajaan pemerintah; dan
- (viii) keadilan untuk penjenayah di mana sistem penyiasatan dijalankan dengan efektif, tidak berat sebelah, mematuhi peruntukan undang-undang dan bebas rasuah.

Secara keseluruhannya, terdapat pelbagai indeks yang digunakan untuk mengukur tahap keselamatan dan ketenteraman sesebuah negara. Indeks-indeks ini berbeza mengikut definisi keselamatan dan skop yang

digunakan semasa indeks tersebut dibangunkan. Bagi tujuan kajian ini, indeks ini dijadikan sebagai penanda aras terutama bagi pemilihan instrumen yang sesuai dan mengikut *standard global*.

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana memiliki komposisi penduduk berbilang kaum yang dijamin hak masing-masing. Walau bagaimanapun, Malaysia perlu bersedia untuk menghadapi ancaman yang boleh menggugat keselamatan dan keharmonian negara. Contoh ancaman termasuklah (i) kerapuhan perpaduan nasional apabila isu-isu sensitif berkaitan agama dan kaum dibangkitkan, (ii) cabaran terhadap sistem demokrasi negara di mana wujudnya gerakan untuk menjatuhkan kerajaan melalui cara di luar dan dari dalam proses demokrasi (iii) pendatang tanpa izin (PATI) dan pelarian yang memberi impak terhadap ekonomi, kesihatan contohnya penyebaran COVID-19 dari PATI, implikasi sosial, jenayah, politik dan hubungan diplomatik negara (iv) pertikaian tuntuan wilayah (v) ekstremisme dan keganasan seperti DAESH, Abu Sayyaf (vi) jenayah siber (vii) bencana alam seperti banjir, taufan, ribut, penyakit berjangkit, tanah runtuh, jerebu di mana jika bencana ini berlaku dalam skala yang besar akan merentangkan perkembangan negara (vii) krisis di dalam dan di luar negara seperti krisis ekonomi (1997-99, 2008-2009) yang memberi impak kepada ekonomi, sosial and politik (viii) jenayah rentas sempadan kerana kedudukan Malaysia yang strategik yang menjadi negara yang cenderung kepada penyeludupan, penggubahan wang haram, rompakan di laut dan sebagainya (ix) pandemik atau wabak penyakit seperti COVID-19 yang sedang melanda negara di mana pihak penguatkuasa telah dimobilisasikan melalui Perintah Kawalan Pergerakkan bagi mengekang penularan wabak (x) keselamatan tenaga seperti kebergantungan Malaysia terhadap sumber tenaga berasaskan fosil seperti minyak (xi) jaminan bekalan makanan dan (xii) kecambahan nuklear dan program pembangunan senjata di negara lain boleh memudarangkan kesejahteraan serantau dan kehidupan marin serta alam sekitar (DKN, 2016). Justeru itu, Malaysia telah mengambil kira ancaman-ancaman ini dan mewujudkan Dasar Keselamatan Negara 2016 di bawah MKN dan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam pada tahun 2019 telah menggantikan Dasar Keselamatan Dalam Negeri.

PEMBANGUNAN KRITERIA, INSTRUMEN DAN SOAL SELIDIK

Pembangunan indeks PSI 2020 adalah berlandaskan peruntukan Perlembagaan Malaysia, Dasar Keselamatan Negara (DKN) 2016 dan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) 2019. DKN dan DKKA dirangka bertujuan untuk mengekal, melindungi dan mempertahankan nilai-nilai teras negara dalam memastikan kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka, aman, selamat dan berdaulat. Dasar keselamatan negara akan disemak semula setiap tiga (3) tahun. Di bawah DKN, kerajaan telah mengenalpasti ancaman keselamatan negara yang berpunca daripada pelaku negara dan pelaku bukan negara. Malaysia telah mengalami pelbagai situasi yang menggugat keselamatan negara seperti kolonialisme kuasa asing, keganasan komunis, konfrontasi dengan Indonesia, konflik perkauman 13 Mei 1969, krisis ekonomi dan pelbagai pencerobohan wilayah. DKN 2016 dibangunkan di atas sembilan (9) teras dan disokong oleh sembilan belas (19) strategi iaitu:

Teras 1: Kedaulatan dan Keutuhan Wilayah

Teras 2: Kestabilan Sosio-Politik

Teras 3: Kesepaduan Nasional

Teras 4: Tadbir Urus Yang Baik

Teras 5: Keutuhan Ekonomi

Teras 6: Keadilan Sosial

Teras 7: Pembangunan Mampan

Teras 8: Keselamatan Rakyat

Teras 9: Pengiktirafan Antarabangsa

Pada tahun 2019, DKKA telah diperkenalkan untuk menggantikan DKN. DKKA merupakan kesinambungan DKN dan dibangunkan di atas teras yang sama seperti DKN serta ditambahbaik agar lebih spesifik dan boleh diukur dengan lebih objektif. DKKA adalah berdasarkan enam (6) teras utama iaitu:

- Teras 1: Mempertahankan Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Institusi Utama Negara
- Teras 2: Meningkatkan Tadbir Urus dan Integriti Agensi Penguatkuasaan Keselamatan
- Teras 3: Memperkuatkannya Kawalan Keselamatan Sempadan Negara
- Teras 4: Menjamin Keselamatan dan Ketenteraman Awam
- Teras 5: Memerangi Gejala Dadah
- Teras 6: Melindungi Aset dan Sasaran Penting Negara

Strategi-strategi yang telah digariskan di bawah teras-teras DKKA adalah seperti seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 seperti berikut:

Jadual 1

Strategi-Strategi Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA)

| | |
|----------------|--|
| Teras 1 | Mempertahankan Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Institusi Utama Negara |
| Strategi 1 | Menjunjung, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan, Institusi Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja |
| Strategi 2 | Melindungi dan mempertahankan Badan Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman |
| Teras 2 | Meningkatkan Tadbir Urus dan Integriti Agensi Penguatkuasaan Keselamatan |
| Strategi 1 | Mengingkatkan keberkesanan tadbir urus keselamatan dan ketenteraman awam termasuk menambahbaik proses semak dan imbang |
| Strategi 2 | Mengukuhkan jati diri dan integriti melalui penerangan nilai-nilai murni dalam kalangan warga agensi penguatkuasaan |

Strategi 3

Meningkatkan dan menambahbaik aset-aset keselamatan dengan menggunakan teknologi terkini

Strategi 4

Meningkatkan profesionalisma dan kompetensi modal insan warga agensi penguatkuasaan

Teras 3 Kawalan Keselamatan Sempadan

Strategi 1

Meningkatkan kawalan dan pengawasan sempadan secara bersepadu dan berterusan.

Strategi 2

Meperkasakan keupayaan perisikan dan penguatkuasaan jenayah rentas sempadan

Strategi 3

Memperkuatkuuhkan penguatkuasaan undang-undang keselamatan sempadan negara

Strategi 4

Mewujudkan sistem pengurusan warga asing yang menyeluruh

Teras 4 Menjamin Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Strategi 1

Menangani Jenayah, Ekstremisme, Keganasan, Aktiviti Espionaj dan Jenayah Siber

Strategi 2

Membanteras Penyebaran Elemen, Fahaman dan Gerakan yang Bercanggah dengan Sosibudaya Tempatan dan Mengancam Ketenteraman Awam serta Perpaduan Nasional

Strategi 3

Meningkatkan Keberkesanan Program Rehabilitasi dan Koreksional Jenayah

Strategi 4

Memastikan Aktiviti Persatuan, Pertubuhan dan Kesatuan adalah Teratur Mengikut Undang-undang yang Ditetapkan

Strategi 5

Memastikan Rekod Pendaftaran Warganegara dan Penduduk Sentiasa Dikemaskini dan teratur

Strategi 6

Memupuk Jati Diri, Semangat Patriotisme, dan Kesukarelawan dalam Kalangan Rakyat

Strategi 7

Melaksanakan Tugas Mencari dan Menyelamat

Teras 5 Memerangi Gejala Dadah

Strategi 1

Mengurangkan Penawaran Dadah melalui Penguatkuasaan Undang-undang dan Kerjasama Antarabangsa

Strategi 2

Mengurangkan Permintaan Dadah dan Gejala Sosial melalui Kaedah Pendidikan Pencegahan, Rawatan dan Pemulihan, Penguatkuasaan dan Kerjasama Strategik

Teras 6 Melindungi Aset dan Sasaran Penting Negara

Strategi 1

Meningkatkan Kawalan, Perlindungan dan Penyelenggaraan Aset, Sumber, Infrastruktur Kritikal serta Sasaran Penting

Strategi 2

Melindungi Maklumat dan Rekod Keselamatan Negara


Sumber: DKKA (2019)

PSI 2020 telah dibangunkan berdasarkan DKKA 2019. Indeks ini dikembangkan kepada sub-teras yang mengambil kira strategi di bawah DKKA 2019 dan dimensi serta instrumen dibangunkan untuk mengukur

persepsi orang awam terhadap keselamatan dan ketenteraman awam berdasarkan kerangka DKKA 2019. Walaubagaimanapun, soalan-soalan bagi mengkaji persepsi keselamatan hanya merangkumi teras 1-5 sahaja kerana teras 6 bersifat dalaman dan spesifik kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN). Rajah 1 menunjukkan proses pembangunan PSI manakala Jadual 2 menunjukkan pembangunan teras, sub-teras, dimensi dan instrumen.

Rajah 1

Pembangunan Indeks Persepsi Keselamatan Malaysia Tahun 2020



Jadual 2

Indeks Keselamatan dan Ketenteraman Awam

| TERAS | SUB-TERAS | DIMENSI | INSTRUMEN | SUMBER DATA | PENANDA ARAS |
|---|--|---|---|---|--------------|
| 1- Mempertahankan Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Institusi Utama Negara | Keluhanan Perlembagaan | Kestabilan Politik | Bilangan Ancaman komunis atau sosialis berideologi ekstremis seperti sosialis | KDN | DKKA 2019 |
| | | | Bilangan Ancaman parti pembangkang | | |
| | | | berideologi ekstremis seperti sosialis | | |
| | | | Bilangan Ancaman lompat parti | | |
| | | | Bilangan Ancaman rusuhan kaum | | |
| | Ancaman Keganasan Tuntutan Negara Lain | Bilangan ancaman keganasan oleh negara lain | Bilangan kes tuntutan ke atas Malaysia | Tuntutan Filipina ke atas Sabah | |
| | | | | 2020 | |
| | | | | Kes dari | |
| | | | | <i>International Court For Dispute Resolution</i> | |
| | | | | ICERD | |
| | | | Ancaman Undang-Undang | Kejadian yang menggugat kedaulatan undang-undang | |
| | Institusi Utama Negara | Institusi Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja | | Peranan YDA untuk memastikan keamanan dan ketenteraman negara | |
| | | | | Peranan Raja-Raja dan TYT untuk memastikan keamanan dan ketenteraman negara | |

| | | | | | |
|--|--|--------------------------|--|----------|-----------|
| 2 – Meningkatkan Tadbir Urus dan Integriti Agensi Pengukuasaan Keselamatan | Tadbir Urus Agensi Pengukuasaan | Tadbir Urus | Bilangan penambahbaikan proses semak dan imbang | KDN | DKKA 2019 |
| | | | Bilangan program pengukuhkan jati diri dan integriti melalui penerapan nilai-nilai murni di kalangan Warga Agensi Pengukuasaan | | |
| | | | Bilangan asset keselamatan berteknologi terkini yang ditambah | | |
| | | | Bilangan program bertujuan meningkatkan Profesionalisma dan Kompetensi Modal Insan Warga Agensi Pengukuasaan Keselamatan | | |
| | | | Bilangan kes salahguna kuasa SPRM | | |
| | | | Bilangan kes rasuah | | |
| | | | Bilangan kes suapan | | |
| | | | Bilangan kes penyelewengan | | |
| 3 Memperkuatkan Kawalan Keselamatan Sempadan | Jenayah dan Pengukuasaan Jenayah di Sempadan | Pencerobohan Warga Asing | Pencerobohan sempadan – PATI | PDRM JIM | DKKA 2019 |

| | |
|----------------------------------|--|
| Penyeludupan | Tangkapan penyeludupan Bilangan rampasan dari penyeludupan Jenis rampasan dari penyeludupan -Penyeludupan haiwan liar -Penyeludupan makanan -Penyeludupan barang mudah rosak (makanan mentah) -Penyeludupan barang tidak mudah rosak (bukan makanan) |
| Penggubahan Wang Haram | Penggubahan Wang Haram rentas sempadan |
| Pemerdagangan Manusia | Bilangan kes pemerdagangan manusia Bilangan kematian akibat pemerdagangan manusia |
| Pelacuran rentas sempadan | Bilangan kes pelacuran rentas sempadan |
| Penculikan | Bilangan kes penculikan rentas sempadan Bilangan kematian akibat penculikan rentas sempadan |
| Ancaman terrorisme dan extremism | Bilangan kes terrorisme dan extremism dan extremism dari luar negara |

| | | | |
|--|--------------------|---|---|
| Kawalan dan Pengawasan | Kawalan Pengawasan | Bilangan tambahan kakitangan untuk kawalan Jumlah tambahan bajet untuk kawalan | |
| Pengawasan | | Bilangan tambahan kakitangan untuk kawalan Jumlah tambahan bajet untuk kawalan | |
| Risikan | Keupayaan Risikan | Bilangan kakitangan risikan Jumlah bajet untuk risikan | |
| Sistem | Warga Asing | Kewujudaan sistem pengurusan warga asing <ul style="list-style-type: none"> - Imigresen - Melalui aplikasi mudah alih | |
| 4 – Menjamin keselamatan dan ketenteraman Awam | Jenayah Domestik | Pembunuhan (<i>Homocide</i>) Pembunuhan secara langgar dalam keadaan mabuk Pembunuhan secara langgar dan lari Bilangan kematian akibat jenayah pembunuhan Serangan Fizikal <ul style="list-style-type: none"> - Menolak, memukul, menampar - Serangan Ancaman Verbal - Bilangan kematian akibat jenayah serangan fizikal | PDRM DDKA 2019 Pembunuhan fizikal Pembunuhan secara langgar Perlumbagaan Malaysia DKN International Statistics on Crime and Justice |

| | | |
|-----------------------------------|---|--|
| Rogol (<i>Rape</i>) & Pelacuran | Bilangan kes Rogol Bilangan kematian akibat jenayah rogol Bilangan kes pelacuran | World Justice Project: Rule of Law Project 2020 |
| Penculikan | Penculikan kanak-kanak (bawah 18 tahun) Penculikan dewasa (atas 18 tahun) kena culik (lelaki) kena culik (perempuan) | Safe Cities Index 2019 |
| | Bilangan kematian akibat jenayah penculikan | Smart Cities – Juniper Research |
| Judi | Judi haram Premis judi haram Judi atas talian | Global Peace Index |
| Arak | Bilangan kes malukul yang mengganggu ketenteraman awam Bilangan kematian akibat pemandu mabuk | Bilangan kes pembunuhan – fizikal Bilangan kes pembunuhan – langgar/jalan raya/highway Bilangan kes narkotik Bilangan kes penculikan Bilangan kes rogol Bilangan kes judi Bilangan kes arak Bilangan kematian |

| | | |
|---------------------|--------------------|--|
| | Vandalisme | Merosakkan dawai elektrik (tujuan mencuri bahan tembaga - <i>copper</i>) Menconteng lukisan (<i>graffiti</i>) Memecahkan tingkap bangunan Merosakkan paip (curi batang paip) Mencuri besi penutup lubang atas jalan |
| Jenayah Harta Benda | Ugutan Rompakan | Bilangan kes ugutan along Rompakan di premis perniagaan Rompakan di rumah |
| | Samun | -Samun Berkawan Bersenjata Api -Samun Bersenjata Api -Samun Tanpa Senjata Api |
| | Cubaan merompak | Kecurian / Pecah rumah Kecurian Otomobil -Curi Motokar -Curi Motosikal - Curi Van/Lori/ Jentera Berat |
| | | Kecurian – barang di premis / kedai tepi jalan Bilangan kematian akibat jenayah akibat jenayah rompakan |

| | | |
|----------------------|--|--|
| Jenayah Korporat | Penipuan Salahguna Kuasa (<i>Corruption</i>) Jenayah Kewangan | Pemalsuan dokumen Pengubahan penyata kewangan Rasuah Pecah amanah Pemutihan wang haram <i>Bid rigging</i> <i>Loan shark</i> <i>Terrorist financing</i> (cth. <i>LTTE</i>) Pencemaran sungai Pencemaran udara Pencemaran laut Pencemaran bunyi Pencemaran tanah Penipuan emel Penipuan identiti (<i>Identity fraud</i>) Penipuan kad pembayaran (kad kredit/kad debit) Penipuan data korporat Pencurian data korporat Pencurian data individu Penggunaan virus dan <i>malware</i> untuk menyergang komputer Menuntut wang bagi mengelakkan serangan siber (<i>threaten attack</i>) Serangan <i>Ransomware</i> |
| Jenayah Alam Sekitar | Pencemaran Alam | Pencemaran Pencemaran udara Pencemaran laut Pencemaran bunyi Pencemaran tanah Penipuan emel |
| Jenayah Siber | Penipuan (<i>Scam</i>) | Penipuan Penipuan kad pembayaran (kad kredit/kad debit) Penipuan data korporat Pencurian data individu Penggunaan virus dan <i>malware</i> untuk menyergang komputer Menuntut wang bagi mengelakkan serangan siber (<i>Cyber-extortion</i>) Serangan <i>Ransomware</i> |

| | | |
|---|--------------------------------------|---|
| | <i>Crypto-jacking</i> | Melombong <i>cryptocurrency</i> menggunakan sumber tidak sah |
| | <i>Cyber-spyionage</i> | Penggodaman data kerajaan atau syarikat |
| | Judi atas talian | Bilangan kes judi atas talian |
| | Pelacuran atas talian | Bilangan kes pelacuran atas talian |
| | Berita palsu (<i>fake news</i>) | Bilangan aduan berita palsu Bilangan tangkapan berita palsu |
| | <i>Child pornography</i> | Bilangan kes pornografi kanak-kanak |
| | Ajaran sesat: | Ajaran sesat: |
| | | <ul style="list-style-type: none"> - Syiah pelampau - Tarikat sesat - Liberalisme sesat - Lain-lain ajaran sesat |
| | | Bilangan kes hasutan |
| | | <ul style="list-style-type: none"> - Terhadap Yang Di-Pertuan Agong - Kerajaan - Agenzi Kerajaan - Hasutan berbaur perkauman - Undang-Undang Negara - Lain-lain jenis hasutan |
| | Rehabilitasi dan Koreksional Jenayah | Bilangan program rehabilitasi |
| Peningkatan Keselamatan dan Ketenteraman Awam | Ketenteraman Awam | Bilangan program koreksional jenayah |

| | |
|---|---|
| Aktiviti Persatuan Mengikut Undang-Undang | Bilangan laporan aktiviti Bilangan laporan aktiviti yang melanggar undang-undang |
| Rekod Warganegara | Kekerapan mengemaskini rekod pendaftaran warganegara dan penduduk dengan teratur |
| Memupuk jati diri, semangat patriotisme dan kesukarelawan dalam kalangan rakyat | Bilangan program berkaitan jati diri, semangat patriotisme dan kesukarelawan dalam kalangan rakyat |
| Mencari dan Menyelamat | Bilangan tugasan mencari dan menyelamat |
| 5 – Memerangi gejala dadah | Jenayah Narkotik Dadah Jenis kesalahan Dadah: -Menanam pokok dadah -Mengeluarkan dadah -Mengilangkan dadah -Mengedar dadah -Mengeksport/import dadah -Memiliki dadah -Broker dadah -Membawa dadah |
| | PDRM DKKA 2019 AADK |
| | Bilangan kes tangkapan (<i>arrested</i>) Bilangan kes didakwa (<i>charged</i>) |

| | | | | |
|--|--|-----------------------------------|--|------------|
| | | | Bilangan kes disabit kesalahan <i>(convicted)</i> | |
| Jenayah Domestik berkaitan dadah | Pembunuhan | Bilangan kes | Bilangan kematian akibat jenayah narkotik | DKKKA 2019 |
| | Serangan | Bilangan kes | Bilangan kes kematian | |
| Rogol | | Bilangan kes | Bilangan kes kematian | |
| Rompakan | | Bilangan kes | Bilangan kes kematian | |
| Rawatan dan Pemulihan | Rawatan Pemulihan | Bilangan kes yang dirawat | Bilangan kes yang telah pulih dan diberikan parol / perkhidmatan komuniti | |
| | | Bilangan kes | Bilangan kerjasama Malaysia-Thailand, Singapura, Indonesia dan lain-lain berkaitan narkotik. | |
| | Pendidikan | | Bilangan program pendidikan pencegahan dadah | KDN |
| 6 - Melindungi Aset dan Sasaran Penting Negara | Kawalan, Perlindungan dan Penyelenggaraan Aset, Sumber dan Infrastruktur Kritisikal | Aset, Sumber dan Infrastruktur | Kos kawalan dan penyelenggaraan Bilangan ancaman / kerosakan aset dan infrastruktur kementerian dan agensi | |

Metodologi Pengiraan Indeks

Untuk pengiraan indeks keselamatan, kaedah indeks multi dimensi telah digunakan. Terdapat lima (5) teras utama yang dijadikan indikator dalam kajian ini. Teras 1 mengambil kira semua aspek keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang. Teras 2 merupakan teras yang memfokuskan kepada tadbir urus dan integrity agensi penguatkuasaan keselamatan. Teras 3 merupakan teras yang melihat kawalan di sempadan. Teras 4 meliputi keselamatan dan ketenteraman awam dan Teras 5 mengfokus kepada memerangi gejala dadah. Secara ringkasnya teras-teras yang telah digunakan adalah seperti di bawah:

Teras 1: Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Institusi Utama Negara

Teras 2: Tadbir Urus dan Integriti Agensi Penguatkuasaan Keselamatan

Teras 3: Kawalan Sempadan

Teras 4: Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Teras 5: Memerangi Gejala Dadah

Berikut merupakan formula bagi pengiraan PSI secara keseluruhan. Jika dilihat, dimensi indeks d_i dalam formula (1) memperlihat pencapaian bagi sesebuah negara dalam dimensi i indeks keselamatan. Kajian ini fokus kepada nilai pemberat yang ditentukan secara endogen melalui kaedah purata. Setiap dimensi ditentukan berdasarkan pemerhatian (*percentile*) ke 90 sebagai nilai maksimum dari taburan nilai dimensi sebagai batas atas (*upper bound*) untuk dimensi.

$$d_i = w_i \frac{A_i - m_i}{M_i - m_i} \quad \text{Pemberat } w_i, \quad 0 \leq w_i \leq 1 \quad (1)$$

di mana,

w_i = Pemberat kepada dimensi i , $0 \leq w_i \leq 1$

A_i = nilai sebenar dimensi i

m_i = nilai minimum dimensi i

M_i = nilai maksimum dimensi i

$$X_1 = \frac{\sqrt{d_1^2 + d_2^2 + \dots + d_n^2}}{\sqrt{w_1^2 + w_2^2 + \dots + w_n^2}}$$

$$X_2 = 1 - \frac{\sqrt{(w_1 - d_1)^2 + (w_2 - d_2)^2 + \dots + (w_n - d_n)^2}}{\sqrt{w_1^2 + w_2^2 + \dots + w_n^2}}$$

$$PSI = \frac{1}{2} [x_1 + x_2] \quad (2)$$

Formula (2) merupakan PSI, yang mana X_1 adalah purata jarak Euclidean antara 0 dan X. Jika nilai x_1 tinggi, hal ini bermaksud terdapat keterangkuman kewangan yang tinggi. Bagi jarak Euclidean berbalik antara X dan W dapat dilihat melalui Formula (3) untuk PSI, X_2 . Lebih jarak antara X dan 0 serta sedikit jarak X dan W menunjukkan keterangkuman yang tinggi bagi sesebuah negara X. Bagi Formula (4) pula, mengira purata X_1 dan X_2 yang merupakan nilai akhir indeks, memperlihat jarak dari titik yang teruk (*worst point*) dan titik ideal (*ideal point*).

Andainya semua dimensi adalah sama penting bagi mengukur tahap inklusif semua boleh ubah maka $w_i=1$ bagi semua i . Keadaan yang ideal akan ditunjukkan melalui $w=(1,1,1,\dots,1)$ dalam n-dimensional space dan formula PSI seperti berikut :

$$PSI = \frac{1}{2} \left[\frac{\sqrt{d_1^2 + d_2^2 + \dots + d_n^2}}{\sqrt{n}} + \left(1 - \frac{\sqrt{(1-d_1)^2 + (1-d_2)^2 + \dots + (1-d_n)^2}}{\sqrt{n}} \right) \right] \quad (3)$$

Menurut kajian ini pula, nilai parameter, w_i ditentukan secara endogen mengikut kaedah parametrik purata (z) dan indeks keselamatan dikira berasaskan empat dimensi ukuran iaitu dengan penambahbaikan teras Tf_k . Oleh yang demikian, formula PSI bagi sesebuah negara adalah seperti berikut:

$$PSI_k = \frac{1}{2} \left[\frac{\sqrt{p_k^2 + a_2^k + u_k^2 + f_k^2}}{\sqrt{n}} + \left(1 - \frac{\sqrt{(z - p_k)^2 + (z - a_k)^2 + (z - u_k)^2 + (z - f_k)^2}}{\sqrt{n}} \right) \right] \quad (4)$$

Interpretasi berdasarkan pengiraan indeks boleh dibahagikan kepada empat bahagian:

- $0 \leq PSI < 0.25$; Tidak selamat
- $0.25 \leq PSI < 0.5$; Kurang selamat
- $0.5 \leq PSI < 0.75$; Selamat
- $0.75 \leq PSI \leq 1$; Sangat selamat

Nilai indeks $PSI = 0$ menunjukkan Indeks Keselamatan Malaysia berada di tahap paling rendah manakala apabila nilai indeks keselamatan ini semakin tinggi, maka semakin baik tahap keselamatan di Malaysia berdasarkan data sebenar dan persepsi. Indeks ini akan dibaca di dalam bentuk peratusan seperti berikut:

- $0 \leq PSI < 25\%$; tidak selamat
- $25\% \leq PSI < 50\%$; kurang selamat
- $50\% \leq PSI < 75\%$; selamat
- $75\% \leq PSI \leq 100\%$; sangat selamat

Interpretasi indeks adalah seperti berikut:

Jadual 3
Interpretasi Indeks

| Tidak Selamat | Kurang Selamat | Selamat | Sangat Selamat | Definisi |
|---|--|---|--|--|
| $0 \leq PSI < 25\%$ | $25\% \leq PSI < 50\%$ | $50\% \leq PSI < 75\%$ | $75\% \leq PSI \leq 100\%$ | |
| Kadar jenayah yang amat tinggi | Kadar jenayah tinggi. | Persepsi kadar jenayah yang rendah | Persepsi kadar jenayah yang sangat rendah. | Persepsi kadar jenayah: bunuh, rogol, ragut, jenayah komersial, narkotik. |
| Penguatkuasaan yang tidak berkesan. | Penguatkuasaan yang kurang berkesan. | Penguatkuasaan yang berkesan | Penguatkuasaan yang sangat berkesan. | Penguatkuasaan: Sempadan, rondaan sukarela, trafik. |
| Infrastruktur yang tidak lengkap. | Infrastruktur keselamatan yang kurang lengkap. | Infrastruktur keselamatan yang lengkap | Infrastruktur keselamatan yang sangat lengkap | Infrastruktur: Cth CCTV, Jerji Besi, lampu jalan, pagar. |
| Peranan media tidak efektif. | Peranan media kurang efektif | Peranan media adalah efektif | Peranan media adalah sangat efektif. | Media: Semua jenis media contoh media elektronik, media massa, media sosial. |
| Persekutaran yang tidak selamat. | Persekutaran yang kurang selamat | Persekutaran yang sangat selamat. | Persekutaran yang sangat selamat. | Persekutaran: Bangunan terbier, bangunan terbengkalai. |

INDEKS PERSEPSI KESELAMATAN MALAYSIA 2020

Berdasarkan instrumen dan metodologi pengiraan indeks yang dibincangkan di atas, keputusan pengiraan PSI 2020 adalah 60.6% iaitu rakyat Malaysia rata-ratanya berpendapat bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang selamat untuk didiami.

PENUTUP

Kertas kerja membincangkan kriteria penambahbaikan instrumen bagi membangunkan Indeks Persepsi Keselamatan Malaysia. Teras bagi pembangunan indeks ini adalah berdasarkan DKKA2019 manakala sub-teras pula adalah berdasarkan strategi yang telah digariskan oleh kerajaan. Instrumen yang dibina adalah berpandukan data sekunder yang telah diterbitkan oleh Jabatan Statistik mengenai jenayah dan beberapa sumber antarabangsa yang lain seperti GPI, SSI, ROL dan sebagainya. Hasilnya, terdapat 6 teras dan 19 sub-teras yang telah dibangunkan. Keputusan indeks bagi tahun 2020 adalah Malaysia merupakan sebuah negara yang selamat.

PENGAKUAN

Kertas kerja ini adalah berdasarkan Laporan Kajian Indeks Persepsi Keselamatan (PSI) 2020.

Rujukan

- Nizam, R., Karim, Z. A., Rahman, A. A., & Sarmidi, T. (2020). Financial inclusiveness and economic growth: New evidence using a threshold regression analysis. *Economic Research-Ekonomska Istraživanja*, 33(1), 1465-1484.
- Sarma, M. (2015). Measuring financial inclusion. *Economics Bulletin*, 35(1), 604-611.
- Sarma, M. (2012). Index of Financial Inclusion—A measure of financial sector inclusiveness. *Centre for International Trade and Development, School of International Studies Working Paper Jawaharlal Nehru University. Delhi, India*.